

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL.2/2020
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Tarikh : 27 Ogos 2020 (Khamis)
Masa : 8.30 – 10.00 malam
Tempat : Bilik Kayangan 2 dan 3
Ancasa Residences, Port Dickson
Kehadiran : Lampiran A

Bil	Perkara	Tindakan
1.0	Perutusan Pengerusi	
1.1	YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat MBJ Bil.2/2020.	Makluman
1.2	YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Hazarulhafiz bin Mohamed Dzulkifli (wakil pekerja bagi gred 29 – 40, Pusat Khidmat Kontraktor) yang telah bertukar ke Kementerian Dalam Negeri pada 27 Julai 2020 di atas sumbangan dan jasa beliau di dalam MBJ MEDAC.	Makluman
1.3	YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa: <ul style="list-style-type: none"> (i) MBJ merupakan satu platform rasmi yang diwujudkan bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Pihak Pekerja diselesaikan segera dalam suasana yang harmoni; (ii) Kedua-dua belah pihak iaitu Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja merupakan rakan kongsi dalam memantapkan penyampaian perkhidmatan MEDAC. Jaringan hubungan antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja dapat diperkukuhkan melalui kaedah permuafakatan atau perbincangan; dan (iii) Mesyuarat kali ini bertujuan mendapatkan maklum balas dan membincangkan lima belas (15) isu berbangkit dan dua (2) isu baharu. 	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
2.0	PERUTUSAN NAIB Pengerusi	
2.1	<p>YBrs. Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi kerana sudi melapangkan masa bagi mempengerusikan mesyuarat kedua MBJ MEDAC bagi tahun 2020.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi seterusnya berharap agar isu-isu yang diutarakan oleh Pihak Pekerja dapat dibincang dan diselesaikan di dalam suasana yang harmoni bagi mewujudkan kebersamaan di antara Pihak Pekerja dan Pihak Pegawai.</p> <p>YBrs. Naib Pengerusi juga merakam penghargaan kepada Pihak Pegawai dan tahniah kepada urus setia MBJ kerana berjaya merealisasikan hasrat untuk mengadakan mesyuarat MBJ di luar Kementerian meskipun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).</p>	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	<p>Isu Pembahagian Lot Parkir</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa ruang parkir adalah terhad dan perlu dikongsikan bersama agensi-agensi daripada Kementerian yang lain.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pihak Pekerja dibenarkan untuk membuat tuntutan bagi caj parkir berbayar secara bulanan. Mesyuarat juga bersetuju supaya pihak BKPK menguangkuatkan perkara ini untuk makluman warga MEDAC khususnya kepada pekerja yang baharu.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa isu pembahagian lot parkir ini akan dikaji dan disemak semula apabila MEDAC berpindah ke Ibu Pejabat baharu pada suku pertama tahun 2021. Aspek jarak lokasi parkir di luar bangunan baharu juga perlu diberikan perhatian. Dalam perkara ini, Mesyuarat bersetuju supaya keutamaan parkir diberikan berdasarkan kriteria seperti berikut:</p> <p>(i) Berdasarkan polisi sedia ada iaitu keutamaan kepada pegawai sekurang-kurangnya di Gred 48 dengan justifikasi keperluan pegawai tersebut untuk menghadiri mesyuarat di luar pejabat dengan menggunakan kenderaan sendiri; dan</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>(ii) Merit seperti sumbangan/penglibatan pekerja kepada aktiviti-aktiviti MEDAC (MBJ, Puspanita dll.) di ambil kira di dalam pertimbangan pengagihan parkir.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
3.2	<p>Kafeteria Kementerian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu berhubung kafeteria kini merangkumi dua (2) perkara iaitu:</p> <p>(i) <u>Kebersihan dan suasana tidak selesa kafeteria</u> YBrS. Pengerusi meminta BKPK untuk mencari penyelesaian berhubung isu asap dan lantai yang licin bagi mengelakkan sebarang kemalangan/perkara yang tidak diingini daripada terjadi.</p> <p>(ii) <u>Harga makanan berlauk yang berubah-ubah/tidak dipaparkan</u> Mesyuarat mengambil maklum bahawa masih terdapat aduan mengenai harga makanan berlauk yang mahal. Dalam perkara ini, YBrS. Pengerusi meminta pihak BKPK untuk berunding / memanjangkan perkara ini kepada pihak yang berkaitan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK
3.3	<p>Kebersihan dan Keceriaan Persekitaran B1</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa persekitaran di B1 terutamanya di kawasan kedai runcit dan belakang kafeteria adalah tidak bersih dan berbau. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa pengubahsuaian (<i>renovation</i>) diperlukan bagi mengatasi isu bau di kawasan tersebut. Mesyuarat dimaklumkan bahawa BKPK telah mengemukakan perkara ini untuk tindakan pihak JKR dan berpandangan bahawa susulan perlu diteruskan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK
3.4	<p>Cadangan Taklimat Penstrukturan Semula MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa carta organisasi Interim MEDAC sedang menunggu kelulusan dari pihak JPA</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM

Bil	Perkara	Tindakan
3.5	<p>Cadangan Pemakaian Tali Leher dan Tudung Korporat MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa mesyuarat pertama Koperasi MEDAC akan berlangsung pada 8 September 2020. Mesyuarat berpandangan bahawa cadangan ini boleh diusulkan kepada pihak Koperasi MEDAC apabila ianya telah terbentuk.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	Pihak Pekerja/ Koperasi MEDAC
3.6	<p>Cadangan Mesyuarat MBJ di Luar Kementerian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa mesyuarat MBJ bil.2 tahun 2020 telah dilaksanakan di Ancasa Residences, Port Dickson, Negeri Sembilan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BPSM
3.7	<p>Status Penubuhan Koperasi MEDAC</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Mesyuarat Agung Permulaan Koperasi MEDAC akan diadakan pada 8 September 2020.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	Makluman
3.8	<p>Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC</p> <p>Mesyuarat mencadangkan agar kelab sukan dan kebajikan bergerak lebih aktif dan prihatin khususnya terhadap aspek kebajikan ahli-ahlinya.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pengurusan Jawatankuasa kelab memerlukan pengganti ekoran kebanyakan Ahli Jawatankuasa kelab telah bertukar Kementerian.</p> <p>Sehubungan dengan itu, mesyuarat bersetuju supaya Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC diaktifkan semula dengan pelaksanaan pelantikan baharu bagi menggantikan AJK yang telah bertukar.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	Kelab MEDAC

Bil	Perkara	Tindakan
3.9	<p>Cadangan Pindaan Perlembagaan MBJ MEDAC:- Pindaan Kepada Pembahagian Bilangan Wakil Pekerja</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa bilangan ahli MBJ MEDAC (Pihak Pekerja) yang hadir adalah seramai 17 orang dari 28 orang. Daripada 28 ahli tersebut, majoriti ahli pekerja adalah dari PKK meliputi setiap zon negeri & setiap gred perkhidmatan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pindaan berkenaan keahlian PKK dan beberapa pindaan kecil tersebut telah dihantar ke Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tindakan seterusnya.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BPSM & Pihak Pekerja
3.10	<p>Cadangan Penyediaan Peruntukan Khas Pakaian Bagi Program Perarakan Hari Kebangsaan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada sebarang program perarakan bagi tahun 2020 berdasarkan situasi semasa penularan pandemik Covid-19.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BPSM / BKPK
3.11	<p>Pakaian Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa serahan pertama baju korporat tersebut akan dibuat pada 28 Ogos 2020 kepada Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini disusuli.</p>	BKPK
3.12	<p>Cadangan Inisiatif Pencegahan Virus Covid-19</p> <p>(i) <u>Penyediaan Hand Sanitizer di Kawasan Pintu Lif</u> Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat kesukaran untuk menempatkan <i>hand sanitizer</i> di kawasan pintu lif kerana permukaan jubin (<i>tiles</i>) di lif yang tidak sesuai. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa kaedah alternatif akan digunakan bagi menempatkan <i>hand sanitizer</i> tersebut.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini disusuli.</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
3.13	<p>Permohonan Kenderaan Jabatan Untuk Warga BLESS di Parcel D</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa kenderaan Nissan Serena telah dibekalkan kepada BLESS pada Julai 2020 untuk kegunaan warganya.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BKPK
3.14	<p>Cadangan Penambahbaikan Sistem E-Latihan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat sistem baharu akan digunakan bagi tujuan e-Latihan. Sistem tersebut kini di peringkat akhir ujian sebelum boleh digunakan sepenuhnya oleh warga Kementerian.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini selesai.</p>	BPM / BPSM
3.15	<p>Isu Yuran Perkhidmatan Taska Semasa Tempoh PKP</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa perbincangan empat penjurong telah diadakan di antara pihak pengurusan MEDAC, wakil Pihak Pekerja, wakil ibu bapa dan pengurusan Taska. Hasil daripada perbincangan tersebut, kesemua pihak telah bersetuju dengan cadangan pihak pengurusan Taska supaya potongan/rebet sebanyak RM50 sebulan seorang diberikan untuk tempoh selama dua (2) bulan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BKPK
4.0	PEMBENTANGAN USUL / ISU-ISU BAHARU	
4.1	<p>Penyeragaman Memo/Minit Bebas/Surat Rasmi</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa format berkenaan penyediaan memo/minit bebas/surat rasmi tidak seragam bagi setiap bahagian di MEDAC.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan juga Arahan Pentadbiran / Garis Panduan berhubung format penyediaan sedang disediakan dan akan diedarkan pada masa terdekat.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK

Bil	Perkara	Tindakan
4.2	<p>Pengurusan Makan Minum Bagi Mesyuarat</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan permohonan Pihak Pekerja supaya penyediaan makan minum mesyuarat adalah tidak dihadkan kepada mesyuarat yang dipengerusikan oleh pegawai gred JUSA dan ke atas sahaja. Perkara ini berdasarkan justifikasi bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Menyokong perniagaan usahawan PKS yang menyediakan perkhidmatan makanan dan minuman khususnya di masa-masa mencabar (Covid-19); ii) Sebagai <i>courtesy</i> kepada ahli mesyuarat daripada luar Kementerian; dan iii) Sebagai <i>courtesy</i> kepada ketua unit di peringkat negeri yang bermesyuarat dengan pihak luar (contoh: Pengarah PKK Negeri) <p>Mesyuarat bersetuju supaya permohonan ini perlu disemak selaras dengan pekeliling sedia ada berserta implikasi kos sekiranya perkara ini dilaksanakan</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKPK
5.0	HAL-HAL LAIN	
5.1	<p>Penyelenggaraan Kenderaan Lama Pusat Khidmat Kontraktor</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berkenaan isu kenderaan lama di PKK Negeri yang usang dan tidak lagi sesuai untuk diselenggara (<i>beyond economic repair</i>).</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya perkara ini disusuli mengikut tatacara pelupusan sewajarnya.</p>	BKPK/ PKK
5.2	<p>Pertukaran Dalaman Setiausaha Pejabat Yang Kerap</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pertukaran dalaman secara kerap terhadap setiausaha pejabat telah menyukarkan pihak tersebut untuk menyesuaikan diri, mempelajari dan memahami skop tugas seksyen yang baharu dalam tempoh yang singkat.</p> <p>Mesyuarat bersetuju bahawa kekerapan pertukaran ini akan memberikan tekanan kepada setiausaha pejabat dan semakan/pertimbangan sewajarnya perlu dibuat bagi mengimbangi kepentingan perkhidmatan dan kebajikan pekerja.</p>	BPSM


Bil	Perkara	Tindakan
	Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli .	
5.3	<p>Penempatan Staff Sokongan Bermasalah</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat staff bermasalah yang ditukarkan ke Bahagian lain dan perkara ini tidak menyelesaikan sebarang permasalahan. Dalam perkara ini, mesyuarat berpandangan bahawa pihak BPSM boleh menggunakan pendekatan kaunseling dan apa jua pendekatan pengurusan sumber manusia yang lebih wajar untuk dilaksanakan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli</p>	BPSM
6.0	PENUTUP	
	Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2020 ditangguhkan pada jam 10.00 malam dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.	

Disediakan oleh:



Mohd Shafiq bin Bakar
Setiausaha Bersama MBJ (Pihak Pegawai)
September 2020

Disemak oleh:



Mohd Faizal bin Dolah
Naib Pengerusi (Pihak Pekerja)
September 2020

Disahkan oleh:



Datuk Hj. Zamri bin Salleh
Pengerusi MBJ MEDAC
14 September 2020

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Datuk Hj. Zamri bin Salleh - Pengerusi Ganti
TKSU (P)
2. Encik Saifuzzaman bin Abdul Manan
SUB (BPPU)
3. Puan Marlina binti Ramly
P (PKK)
4. Encik Ismail bin Mohamed Yusof
SUB (BPSM)
5. Puan Norliza binti Abu Othman
SUB (BPTM)
6. Puan Nor Fadila binti M Sapuan
KPSU (BPSM)
7. Encik Ahmad Faizal bin Mohamad
KPSU (BKPK)
8. Mohd Shafiq bin Bakar - Setiausaha Pihak Pegawai
PPT (BPSM)

PIHAK PEKERJA

9. Encik Mohd Faizal bin Dolah - Naib Pengerusi
KPSU (BPES)
10. Puan Eziatul Nurin binti Ahmad Sapawi
Pengarah PKK Negeri Selangor
11. Puan Nurazura binti Ali
Jurutera (PKK Ibu Pejabat)
12. Encik Mohd Asraf bin Abd Samat
PSU (PKK Ibu Pejabat)

13. Puan Noriati binti Amin
PPT (BPES) - Setiausaha Pihak Pekerja
14. Encik Abdul Hadi bin Che Busu
PPT (PKK Zon Timur)
15. Encik Nasir bin Yahaya
PPT (PKK Zon Utara)
16. Puan Norzamilah binti Che Sabri
PPT (PKK Selatan)
17. Puan Noor Farhan binti Mohamed Yusoff
Pen. Pegawai Teknologi Maklumat (BLESS)
18. Puan Azhani binti Abu Bakar
PT (PO) BA
19. Puan Nur Azamimah binti Mohamed Sahak
PT (PO) PKK HQ
20. Encik Muhammad Fariz bin Ahmad
PT (PO) PKK Selatan
21. Encik Rosman bin Mansor
PO (BPK)
22. Encik Shamsul Bahri bin Sinan
PO (PKK HQ)
23. Puan Rozitaidayu binti Aman
PO (PKK Selatan)
24. Encik Roslan bin Rahman
PO (PKK Timur)

URUSETIA

25. Puan Wan Nur Shahirah Zanol Aabidin
PT (BPSM)
26. Puan Rozzana binti Abd Razak
PT (BPSM)